



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-35**

**Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat (ISMS)
(Januari hingga Jun 2017)**

TUJUAN

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Ke-35 Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan pencapaian objektif dan sasaran keselamatan maklumat (ISMS) bagi tempoh Januari hingga Jun 2017.

LAPORAN PENCAPAIAN

2. Objektif Keselamatan Maklumat dibangunkan bersesuaian dengan fungsi yang terlibat bagi memastikan semua data dan maklumat di UPM adalah selamat. Untuk memastikan Sistem pengurusan Keselamatan maklumat (ISMS) dilaksanakan dengan berkesan, ianya dikenalpasti melalui lima (5) objektif seperti berikut:

- (a) Memastikan semakan penilaian risiko dan plan pemulihan risiko dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun;
- (b) Menjalankan ujian simulasi plan pemulihan bencana ICT sekurang-kurangnya sekali setahun;
- (c) Memastikan 95% sokongan ICT (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan pada setiap semester;
- (d) Memastikan 100% pelajar yang mendaftar adalah pelajar yang mendapat tawaran; dan
- (e) Memastikan 100% borang permohonan kad pelajar yang diterima diisi dengan lengkap.

Pada tahun 2017, Objektif Keselamatan Maklumat telah disemak dan dikemaskini semula mengambilkira aktiviti perluasan skop ISMS yang melibatkan pihak UPM Kampus Bintulu (UPMKB) bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah. Penetapan objektif ISMS yang baharu ini telah dikemaskini dalam Manual Kualiti Sistem Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP) dan telah dibawa untuk kelulusan bersama menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke - 33 (Khas) Secara Edaran yang diadakan pada 22 Mei 2017 dan telah dikuatkuasa bermula 26 Mei 2017.

Justeru, dikemukakan kembali **Objektif Keselamatan Maklumat Tahun 2017** berkenaan untuk perhatian semua ahli mesyuarat sepertimana berikut:

Bil	Penyataan Objektif	Sasaran pencapaian	Peneraju
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)
2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaiannya, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data

Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat (ISMS) tahun 2017 ini hanya dapat diukur semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2017/2018.

SYOR

3. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti diminta:
 - (a) mengambil maklum perubahan terhadap penetapan objektif dan sasaran keselamatan maklumat tahun 2017 yang terkini bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM; dan
 - (b) mengambil perhatian pencapaian objektif ISMS perlu diukur dan dipantau secara berkala iaitu sebanyak dua (2) kali setahun oleh setiap Peneraju ISMS.